

PERANAN SAINS MODEN DALAM INTERAKSI TEKS HADIS: PENELITIAN TERHADAP HADIS BERKAITAN PENCIPTAAN JANIN MANUSIA

Mohd Yusuf Ismail¹, Abdul Kareem Toure²

^{1,2}Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Malaysia.

Abstract

Religio-scientific interaction towards hadith of the Prophet Muhammad has been clearly traced in the early Muslim scholar's literatures, specifically from the third century of Hijri. Attention in the respected disciplines was significantly growing throughout the centuries as it was observed from literatures concerning to interpretation of the meaning of hadith in 'kutub al-syūrūh' from the fourth until tenth centuries of Hijri. However, the rapid establishment of scientific knowledge sparks stimulating conscience and argues against the result of earlier assimilation of the science and the hadith. Therefore this article addresses the issue by examining one of the most heated debate in this disciplines, which is the creation of the human foetus based on the latest scientific facts in the topic. The study employed qualitative method in which comparative analysis will be used as its main tools of investigation. In conclusion, this study argues for the need to revise the intricate interactions between the hadith and scientific exploration as some of the early understanding of Muslim scholars in the topic appear as not in accordance with the modern scientific facts. However some aspects of the hadith in this topic shows the inability of the modern science as the modern facts was foretold by the hadith more than fourteen thousands years ago.

Keywords: modern science, human foetus, the hadith.

Hadis nabawi yang merupakan salah satu sumber ilmu terpenting mengandungi pelbagai jenis pengetahuan di samping ilmu berkaitan akidah, ibadah, dan mu'amalāt, seperti hadis berkenaan penciptaan manusia dan alam semesta, perubatan dan rawatan penyakit dan selainnya. Kepelbagaian jenis ilmu ini telah mendorong para ulama memanfaatkan ilmu-ilmu semasa di zaman mereka dalam interaksi mereka dengan hadis nabawi dalam kategori ini. Perkara ini dapat diperhatikan dengan jelas menerusi karya berkaitan hadis yang dikarang oleh para ulama sepanjang zaman, terutamanya kitab-kitab besar yang menghuraikan hadis nabawi. Oleh kerana pengetahuan manusia berkembang pesat, interaksi hadis menerusi sains moden seharusnya diteruskan oleh pengkaji di zaman ini bagi mengenalpasti kedudukan sains moden dalam disiplin pengajian hadis. Kebergantungan terhadap hasil penelitian ulama silam, yang merujuk kepada pengetahuan semasa di zaman mereka, akan menghasilkan interaksi yang statik, serta membuka ruang dakwaan bahawa hadis nabawi bertentangan dengan sains moden. Oleh itu, kertas kerja ini akan meneliti hadis berkaitan penciptaan janin manusia menerusi sains moden sebagai satu contoh, bagi mengenalpasti peranan dan kesan sains moden dalam berinteraksi dengan teks hadis. Kajian ini turut melakukan perbandingan antara kefahaman ulama terdahulu terhadap hadis dan kefahaman yang boleh dicapai melalui penemuan sains moden bagi mengenalpasti perkembangan kefahaman terhadap hadis nabawi yang berkenaan.

Keywords: modern science, human foetus, the hadith.

Article Progress

Received: 21 September 2016

Revised : 21 October 2016

Accepted: 31 December 2016

*Corresponding Author: Mohd Yusuf Ismail, University Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai, Negeri Sembilan.

Website: www.yusufismail.com

Email:

yusufismail@usim.edu.my



1. PENDAHULUAN

Sejarah permulaan fokus ulama silam terhadap hadis berkaitan penciptaan manusia dan alam semesta, perubatan, pemakanan dan selainnya, di samping hadis-hadis berkenaan hukum syarak, bermula dengan wujudnya karya hadis yang mengklasifikasikan hadis nabawi mengikut tema tertentu. Karya seperti ini telah muncul seawal kurun kedua hijrah seperti kitab al-Jāmi' oleh Ma'mar bin Rāsyid (153H), kitab Muwattho' Imam Malik (179H) dan kitab al-Muṣannaf oleh 'Abdul Razzāq al-Ṣan'ānī (211H).

Walaupun begitu, kemunculan al-Kutub al-Sittah¹ pada kurun ketiga hijrah adalah pencetus utama kepada usaha memanfaatkan ilmu semasa² dalam berinteraksi dengan hadis. Hal ini adalah kerana kemunculan banyak karya yang menjadikan kitab-kitab ini sebagai asas kepada penulisan kitab syurūh³, seperti kitab Ma'ālim al-Sunan oleh al-Khattābī (388H). Melalui kitab syurūh seperti ini, yang banyak didapati antara kurun keenam dan kesepuluh hijrah, usaha ulama dalam berinteraksi dengan hadis menerusi ilmu semasa dapat dikesan dengan jelas, terutamanya dalam kitab-kitab besar seperti kitab al-Mu'lim bi Fawā'id Muslim oleh al-Māzrī (wafat 536H), Syarah Muslim oleh al-Nawawī (wafat 676H), Fath al-Bārī oleh Ibnu Hajar al-'Asqalānī (wafat 852H) dan lain-lain.

Di samping itu, terdapat juga karya awal lain yang turut dikenalpasti memanfaatkan ilmu semasa dalam berinteraksi dengan hadis nabawi, antaranya ialah kitab Ta'wīl Mukhtalif al-Ḥadīth oleh Ibnu Qutaybah (wafat 276H). Beliau telah memetik pandangan para doktor dalam menjawab keraguan yang ditimbulkan terhadap hadis berkenaan lalat⁴.

Antara ilmu semasa yang banyak dirujuk oleh ulama silam dalam berinteraksi dengan hadis ialah ilmu perubatan, bahkan sebahagian ulama seperti al-Mazrī dengan jelas memetik pandangan sebahagian ahli perubatan yang terkenal seperti Ibnu Sina, dan juga ahli perubatan Yunani seperti Pedanius Dioscorides (mati 90AD), dan Galen (216AD)⁵.

Sebagai contoh interaksi ulama silam dengan hadis nabawi, al-Qādi 'Iyād dalam mensyarahkan hadis:

«بِسْمِ اللَّهِ، تُرْبَةُ أَرْضِنَا، بِرِيقَةِ بَعْضِنَا، لِيُشْفَى بِهِ سَقِيمُنَا، بِإِذْنِ رَبِّنَا»

Maksudnya: “Dengan nama Allah, tanah dari bumi kita, dengan air liur kita, untuk merawat penyakit kita, dengan izin Tuhan kita”⁶.

Beliau berkata: “Perbuatan yang dilakukan oleh Nabi ini adalah satu hakikat perubatan dengan bertabarruk dengan nama Allah untuk penyembuhan. Ini adalah kerana tanah yang bersifat sejuk dan kering akan menguatkan tempat yang sakit, dan menghalang daripada dimasuki oleh bendasing, maka tanah itu mengeringkan luka dan merawatnya”⁷.

Contoh ini dengan jelas menunjukkan bahawa ulama silam memanfaatkan ilmu semasa di zaman mereka untuk memahami hadis nabawi. Dengan perkembangan ilmu perubatan sebagai contoh, pembahagian penyakit dan rawatan berdasarkan kepada sifat panas dan sejuk tidak lagi diguna pakai. Oleh itu, adalah sangat penting interaksi seperti yang ditunjukkan oleh al-Qādi 'Iyād ini sentiasa diperbaharui mengikut perkembangan ilmu pengetahuan manusia, dengan mengambil kira kaedah-kaedah asas yang penting dalam berinteraksi dengan nas hadis seperti yang digariskan para ulama.

2. TEKS HADIS TENTANG PENCIPTAAN JANIN

Terdapat beberapa buah hadis utama yang menyentuh tentang penciptaan manusia diperingkat kejadian janin, tiga buah hadis daripadanya adalah yang terpenting, seperti berikut:

Hadis 1: Hadis Abdullah bin Mas'ūd

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ: حَدَّثَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ الصَّادِقُ الْمَصْدُوقُ: «إِنَّ أَحَدَكُمْ يُجْمَعُ خَلْقُهُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا، ثُمَّ يَكُونُ فِي ذَلِكَ عِلْقَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يَكُونُ فِي ذَلِكَ مُضَعَّةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يُرْسَلُ الْمَلَكُ فَيَنْفُخُ فِيهِ الرُّوحَ، وَيُؤْمَرُ بِأَرْبَعِ كَلِمَاتٍ: بِكُتْبِ رِزْقِهِ، وَأَجَلِهِ، وَعَمَلِهِ، وَشَقِيٍّ أَوْ سَعِيدٍ، فَوَالِدِي لَا إِلَهَ غَيْرُهُ إِنْ أَحَدَكُمْ لَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ حَتَّىٰ مَا يَكُونُ بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا إِلَّا ذِرَاعٌ، فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ، فَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ، فَيَدْخُلُهَا، وَإِنْ أَحَدَكُمْ لَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ، حَتَّىٰ مَا يَكُونُ بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا إِلَّا ذِرَاعٌ، فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ، فَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ، فَيَدْخُلُهَا».

Maksudnya: Daripada 'Abdullah⁸ katanya: Rasūlullah ṣallallāhu 'alayhi wa sallam, yang benar lagi dibenarkan telah menceritakan kepada kami:



“Sesungguhnya penciptaan salah seorang seperti kamu terhimpun di dalam perut ibunya selama 40 hari, kemudian terjadinya ‘alaqah seperti itu juga, kemudian terjadinya mudghah seperti itu juga, kemudian diutus malaikat lalu ditiupkan padanya ruh, dan diperintahkan (agar ditetapkan) empat ketetapan: ketetapan rezekinya, ajalnya, amalannya dan nasib celakanya atau bahagia. Maka demi Dia yang tiada tuhan selain-Nya, sesungguhnya seseorang itu beramal dengan amalan (yang membawanya ke) syurga sehingga jarak antaranya dengan syurga hanyalah sehasta, lalu ketetapan itu mendahuluinya, maka dia melakukan amalan ahli neraka lalu masuklah dia ke neraka. Dan sesungguhnya seseorang itu beramal dengan amalan ahli neraka, sehingga jaraknya dengan neraka hanyalah sehasta, lalu ketetapan itu mendahuluinya, maka dia melakukan amalan ahli syurga, lalu masuklah dia ke syurga”⁹.

Hadis 2: Hadis Huzaifah bin Asid

عَنْ حُذَيْفَةَ بْنِ أَسِيدٍ الْغِفَارِيِّ قَالَ: إِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يَقُولُ: «إِذَا مَرَّ بِالنُّطْفَةِ بِنْتَانِ وَأَرْبَعُونَ لَيْلَةً، بَعَثَ اللَّهُ إِلَيْهَا مَلَكًا، فَصَوَّرَهَا وَخَلَقَ سَمْعَهَا وَبَصَرَهَا وَجِلْدَهَا وَحَمِيمَهَا وَعِظَامَهَا، ثُمَّ قَالَ: يَا رَبِّ أَدْرَكَتْ أُمَّ أَنْتَى؟ فَيَقْضِي رُتْكَ مَا شَاءَ، وَيَكْتُوبُ الْمَلَكُ، ثُمَّ يَقُولُ: يَا رَبِّ أَجَلُهُ، فَيَقُولُ رُتْكَ مَا شَاءَ، وَيَكْتُوبُ الْمَلَكُ، ثُمَّ يَقُولُ: يَا رَبِّ رِزْقُهُ، فَيَقْضِي رُتْكَ مَا شَاءَ، وَيَكْتُوبُ الْمَلَكُ، ثُمَّ يَخْرُجُ الْمَلَكُ بِالصَّحِيفَةِ فِي يَدِهِ، فَلَا يَرِيدُ عَلَى مَا أَمَرَ وَلَا يَنْفُصُ».

Maksudnya: Daripada Huzaifah bin Asid katanya: Bahawasanya aku mendengar Rasūlullah ṣallallāhu ‘alayhi wa sallam bersabda: “Apabila nutfah melepasi tempoh 42 malam, Allah mengutuskan malaikat

kepadanya, lalu dijadikan rupanya, dan diciptakan pendengarannya, penglihatannya, kulitnya, dagingnya dan tulangnya, kemudian (malaikat) berkata: Wahai tuhan, lelakikah atau perempuan? Lalu Tuhanmu menetapkan menurut kehendak-Nya dan malaikat menuliskannya. Kemudian (malaikat) bertanya lagi: Wahai Tuhan, bagaimana pula ajalnya? Lalu Tuhanmu berkata menurut kehendakNya dan malaikat menuliskannya. Kemudian (malaikat) bertanya lagi: Wahai Tuhan, bagaimana pula rezekinya? Lalu Tuhanmu berkata menurut kehendakNya dan malaikat menuliskannya. Kemudian malaikat keluar dengan membawa helaian catitan di tangannya, dia (malaikat) tidak menambahkan sesuatupun terhadap apa yang diperintahkan, mahupun mengurangkannya”¹⁰.

Hadis 3: Hadis Anas bin Malik

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «وَكَلَّ اللَّهُ بِالرَّحِمِ مَلَكًا، فَيَقُولُ: أَيُّ رَبِّ نُطْفَةٌ، أَيُّ رَبِّ عَلَقَةٌ، أَيُّ رَبِّ مُضْغَةٌ، فَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ أَنْ يَقْضِيَ خَلْقَهَا، قَالَ: أَيُّ رَبِّ، أَدْرَكَتْ أُمَّ أَنْتَى، أَشَقِيَّةٌ أَمْ سَعِيدَةٌ، فَمَا الرِّزْقُ، فَمَا الْأَجَلُ، فَيَكْتُوبُ كَذَلِكَ فِي بَطْنِ أُمَّه».

Dan daripada Anas bin Mālik, daripada Nabi ṣallallāhu ‘alayhi wa sallam bersabda: “Allah mewakilkan seorang malaikat kepada rahim, lalu malaikat itu bertanya: Wahai Tuhan (terjadinya) nutfah, wahai Tuhan (terjadinya) ‘alaqah, wahai Tuhan (terjadinya) mudghah, apabila Allah ingin menetapkan penciptaannya, malaikat bertanya: Wahai Tuhan, lelakikah atau perempuan?, bahagiakah dia atau sengsara, apakah rezekinya, apakah ajalnya, lalu ditulis kesemua itu (ketika) di dalam perut ibunya”¹¹.

¹ Iaitu Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Dawud, Sunan al-Timizi, Sunan al-Nasaie dan Sunan Ibnu Majah.

² Ilmu semasa dalam kertas kerja ini bermaksud: Ilmu pengetahuan semasa pada zaman ulama tertentu seperti ilmu perubatan, ilmu berkenaan haiwan dan tumbuhan dan lain-lain. Manakala ilmu berkaitan syarak seperti ilmu bahasa Arab, kaedah usul fiqh, asbāb wurūd, nasakh mansūkh dan yang seumpamanya tidak termasuk dalam pengertian “ilmu semasa” dalam kertas ini.

³ Iaitu kitab yang memberikan syarahan dan huraian kepada hadis-hadis kitab tertentu.

⁴ Rujuk: Ibnu Qutaybah, ‘Abdullah bin Muslim. 1999. *Ta’wīl Mukhtalif al-Ḥadīth*, Beirut: al-Maktab al-Islamiy, p. 334.

⁵ Mohd Yusuf Ismail. 2016. *al-Tafsīr al-‘Ilmī li al-Aḥādīth al-Nabawīyah: Dirasah Ta’šīliyyah Naqdiyyah*, Tesis Ph.D, Amman: University of Jordan, p. 25.

⁶ Diriwatikan oleh Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb: al-salām, Bab: istiḥbāb al-ruqyah, #2194.

⁷ ‘Iyād bin Mūsa al-Yaḥṣubī. 1998. *Ikmāl al-Mu’lim bi Fawaid Muslim*, Mansurah: Dār al-Wafā’ (1998), vol. 7, pp. 95-96.

⁸ Beliau ialah ‘Abdullah bin Mas’ūd.

⁹ Diriwatikan oleh Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb: al-qadar, Bāb: kayfiyyat khalq ādamiy, #2643.

¹⁰ Diriwatikan oleh Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb: al-qadar, Bāb: kayfiyyat khalq ādamiy, #2645.

¹¹ Diriwatikan oleh al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb: al-qadar, Bāb: fi al-qadr, #6595.

Terdapat banyak riwayat hadis yang lain dengan sedikit perbezaan lafaz tentang penciptaan janin manusia, terutamanya perbezaan pada tempoh bilangan hari dari 40 hari seperti yang disebutkan dalam hadis Ibnu Mas'ūd, perkara ini akan dijelaskan kemudian.

dijelaskan secara terperinci, serta perbandingan dengan embriologi moden melalui jadual berikut:

3. PERBANDINGAN KEJADIAN JANIN MENURUT HADIS DAN EMBRIOLOGI

Peringkat penciptaan janin manusia ini yang bermula daripada peringkat *nutfah*, serterusnya *'alaqah* dan *mudghah* dan penciptaan tulang dan daging dapat

	Peringkat Menurut Hadis	Huraian	Tempoh Menurut Embriologi Moden
1.	<i>Nutfah</i> (النُّطْفَةُ)	<u>Maksud Nutfah:</u> Istilah al-Nutfah asal bahasanya bermaksud air yang sedikit, oleh kerana itu dinamakan air mani sebagai al-Nutfah, dan dikatakan juga ia dinamakan al-Nutfah kerana sifatnya yang mengalir, kata orang Arab: <i>ينطفأ</i> <i>نطفاً</i> , bermaksud <i>يَسِيلُ</i> (mengalir) ¹² . Dr. Muhammad 'Ali al-Bār ¹³ menjelaskan bahawa istilah <i>nutfah</i> merujuk kepada 3 perkara, iaitu: a. Benih lelaki, iaitu sperma. b. Benih perempuan, iaitu ovum c. Benih yang telah disenyawakan, iaitu zigot, atau dipanggil al-Nutfah al-Amsyāj (النطفة الأمشاج) ¹⁴ .	Dari persenyawaan ovum dan perjalanan zigot menuju ke rahim (uterus) berlaku dalam tempoh 1-7/9 hari (minggu pertama) ¹⁵ .
2.	<i>'Alaqah</i> (العَلَقَةُ)	<u>Maksud al-'Alaqah</u> Ibnu Hajar (852H) berkata: "al-'Alaqah ialah darah beku yang tebal, dinamakan begitu kerana ia tersangkut pada tempat yang dilaluinya" ¹⁶ .	Minggu ke-2 dan ke-3 selepas persenyawaan apabila zigot mula menempel di dinding rahim.
3.	<i>Mudghah</i> (المُضْغَةُ)	<u>Maksud al-Mudghah</u>	Peringkat ini bermula pada minggu ke-4 ¹⁹ ,

¹² Ali al-Qārī. 2002. *Mirqāt al-Mafātīh*, Beirut: Dār al-Fikr, vol. 1, p.151.


¹³ Beliau ialah seorang doktor perubatan, dan merupakan konsultan perubatan di Pusat Kajian Perubatan Raja Fahd, Jeddah, Arab Saudi.

¹⁴ Muhammad 'Ali al-Bār. 1983. *Khalq al-Insān bayna al-Ṭib wa al-Qurān*, Arab Saudi: al-Dār al-Sa'udiyah, pp. 366-367.

¹⁵ T.W. Sadler. 2012. *Langman's Medical Embryology*, 12th ed. pp. ii/ 29-40.

¹⁶ Al-'Asqalānī, Ahmad bin 'Ali. 1379. *Fath al-Bārī*, Beirut: Dār al-Ma'rīfah, vol. 11, p. 482.

¹⁹ Muhammad 'Ali al-Bār, *Kalq al-Insān bayna al-Ṭib wal al-Qurān*, p. 369.

		<p>Ibnu Athīr (606H) berkata: “al-Muḍghah bermaksud secebis daging”¹⁷. Sifat fizikal al-Muḍghah menyerupai seketul daging yang terdapat kesan gigitan padanya, sifat ini bertepatan dengan penggunaan lafaz Muḍghah seperti (اللُّغْمَةُ الْمَضُوعَةُ) yang bermaksud cebisan makanan yang digigit.</p>  <p>Gambar¹⁸: Perbandingan embryo pada peringkat ini dengan getah yang digigit</p>	<p>atau pada hari ke-22²⁰.</p>
<p>4. Penciptaan Tulang dan Daging. (Peringkat Taṣwīr)</p>		<p>Quran menyebutkan peringkat ini secara berturutan selepas peringkat al-Muḍghah, firman Allah:</p> <p style="text-align: center;">﴿فَخَلَقْنَا الْمَضْغَةَ عِظَامًا فَكَسَوْنَا الْعِظَامَ لَحْمًا﴾</p> <p>“Kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang, kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging”.</p> <p>Manakala hadis melalui riwayat Huzaifah bin Asīd menyebutkan beberapa perincian di samping kejadian tulang dan daging iaitu penciptaan pendengaran, penglihatan, kulit, daging dan seterusnya tulang selepas peringkat al-Muḍghah, iaitu setelah berlalunya 42 malam.</p> <p>Berdasarkan lafaz yang terdapat dalam hadis Huzaifah ini juga, peringkat ini dinamakan dengan peringkat Taṣwīr, sabda Nabi <i>ṣallallāhu ‘alayhi wa sallam</i>:</p> <p style="text-align: center;">((فَصَوَّرَهَا وَخَلَقَ سَمْعَهَا وَبَصَرَهَا وَجِلْدَهَا وَلَحْمَهَا وَعِظَامَهَا))</p> <p>Ibnu Qayyim al-Jauziyyah mengisyaratkan dua Peringkat Taṣwīr, beliau menyebutkan yang pertama sebagai al-Taṣwīr al-Khafīy, manakala yang kedua tidak disebutkan oleh beliau tetapi boleh difahami</p>	<p>Kejadian tulang bermula sejak awal kejadian janin, bermula dengan pembentukan asas rupa bentuk dan seterusnya berkembang membentuk sendi dan ruas tulang sehinggalah terjadinya anggota badan, sedikit demi sedikit²².</p> <p>Hari ke 43-49: Pigmen mata mula kelihatan dan kelopak mata terbentuk²³.</p> <p>Hari ke 50-56: Siku dan lutut mula membengkok, jari-jemari tangan dan kaki terpisah, ekor</p>

¹⁷ Ibnu al-Athīr, *al-Nihāyah fi Gharīb al-Ḥadīth wa al-Āthār*, vol. 4, p. 339.

¹⁸ <https://islampapers.com/2013/06/22/some-observations-on-the-mudghah-stage>

²⁰ T.W. Sadler, *Langman’s Medical Embryology*, 12th ed. pp. ii.

²² Muhammad ‘Ali al-Bār, *Kalq al-Insān bayna al-Ṭib wal al-Qurān*, p. 277.

²³ T.W. Sadler, *Langman’s Medical Embryology*, 12th ed. p. 84.



	sebagai al-Taṣwīr al-Jaliy. al-Taṣwīr al-Jaliy bermula pada awal fasa 40 hari kedua ²¹ , iaitu selepas Mudghah.	janin hilang, wajah kelihatan seperti wajah manusia ²⁴ .
--	--	---

4. PERBINCANGAN

Menerusi perbandingan yang telah dilakukan, beberapa bentuk penemuan dapat dikenalpasti seperti berikut:

4.1 Al-‘Ijāz al-‘Ilmī Pada Peringkat Penciptaan Janin

Hadis yang menyentuh tentang kejadian janin manusia menyatakan dengan jelas peringkat-peringkat kejadian tersebut bermula daripada peringkat nuṭfah dan seterusnya, dan setiap peringkat merupakan satu fasa baru dalam perkembangan janin yang bertepatan dengan penemuan sains moden. Penjelasan yang terdapat dalam hadis ini juga adalah sesuatu yang terpeinci yang tidak diketahui oleh manusia pada zaman wahyu.

Bahkan Ibnu Mas‘ūd yang meriwayatkan salah sebuah hadis bab ini, terlebih dahulu telah menyebutkan:

"حَدَّثَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ الصَّادِقُ
الْمَصْدُوقُ"

Maksudnya: "Rasūlullah ṣallallāhu ‘alayhi wa sallam, yang benar lagi dibenarkan telah menceritakan kepada kami"

Kata-kata Ibnu Mas‘ūd ini diucapkan kerana hadis ini menyebutkan sesuatu berkenaan kejadian janin yang bertentangan dengan pandangan para ahli perubatan di zaman itu²⁵, oleh itu beliau menegaskan bahawa kata-kata nabi ialah yang benar kerana baginda ialah al-ṣādiq al-maṣḍuq.

Terdapat dakwaan bahawa fakta berkenaan embriologi yang disebutkan dalam Quran dan Sunnah ditiru daripada pandangan ahli sains Yunani, terutamanya Galen (216AD)²⁶. Galen mempunyai banyak pandangan berkenaan embriologi, antaranya beliau telah mencadangkan empat (4) peringkat kejadian embrio²⁷. Oleh itu, dakwaan ini boleh diteliti dengan melakukan perbandingan antara peringkat

kejadian janin yang dicadangkan oleh Galen dengan peringkat yang disebutkan dalam Quran dan Hadis.

Peringkat 1:

Galen menyebutkan peringkat ini sebagai peringkat ‘air mani yang belum terbentuk:

“An unformed seminal stage”.

Quran dan Sunnah pula menyebutkan peringkat pertama sebagai nuṭfah yang bermaksud air yang sedikit atau air yang mengalir, sebagai mana telah dijelaskan. Perkataan nuṭfah tiada kaitan dengan maksud ‘sesuatu yang belum terbentuk’ sebagaimana disebutkan oleh Galen.

Peringkat 2:

Galen menyatakan:

“A stage in which the *tria pricipia* (a concept here met with the first time) are engendered, the heart, liver, and brain”.

Manakala Quran dan Sunnah tidak menyebutkan tentang kejadian jantung, hati dan otak dalam peringkat perkembangan embrio. Perincian yang terdapat dalam hadis Huzaifah bin Asīd langsung tidak menyentuh tentang 3 organ ini.

Peringkat 3:

Galen menyatakan:

“A stage when all the other parts are mapped out”

Hadis Huzaifah menyebutkan tentang penciptaan pendengaran, penglihatan, kulit, daging dan tulang. Perincian ini tidak disebutkan langsung oleh Galen.

Peringkat 4:

Galen menyatakan:

“A stage when all the other parts have become clearly visible”.

Peringkat yang disebutkan Galen ini hampir menyamai sifat yang disebutkan Quran iaitu: ‘khalqan ākhar’ (خَلْقًا آخَرَ), melalui firman-Nya:

﴿ثُمَّ أَنْشَأْنَاهُ خَلْقًا آخَرَ﴾²⁸

²¹ Ibnu Qayyim al-Jawziyyah, *al-Tibyān fī Aymān al-Qurān*, Beirut: Dār ‘Ālam al-Fawāid, p. 521.

²⁴ Ibid.

²⁵ Al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī*, vol. 11, p. 667.

²⁶ <http://www.bible.ca/islam/islam-myths-embryology.htm>

²⁷ Joseph Needham, *A History of Embryology*, Second edition, pp. 72-73.

²⁸ Al-Mu‘minūn: 14.

Namun, ayat ini bukan sahaja bermaksud anggota badan jelas kelihatan kerana janin sudah menjadi lengkap, seperti yang dikatakan oleh Galen, bahkan ayat ini memberi maksud: janin menjadi makhluk yang mempunyai roh²⁹, keadaan ini tidak disebutkan oleh Galen.

Hasil perbandingan ini menunjukkan bahawa dakwaan ini adalah tidak benar, sekaligus menafikan rujukan hadis kepada mana-mana sumber lain selain wahyu dalam menerangkan peringkat penciptaan janin. Oleh itu dapat dirumuskan bahawa peringkat penciptaan janin yang disebutkan dalam hadis ini adalah salah satu contoh ‘ijāz ‘ilmī.

4.2 Al-‘Ijāz al-‘Ilmī pada Istilah al-‘Alaqah


Penggunaan lafaz al-‘Alaqah dalam Quran dan Hadis adalah sangat tepat dengan sifatnya, sedangkan sifat fizikal al-‘Alaqah yang sebenar hanya diketahui oleh sains moden. Perkara ini boleh difahami seperti berikut:

Pertama: 'Alaqah, bermaksud tergantung. Sains moden membuktikan bahawa janin sememangnya terpaut di dinding rahim iaitu setelah benih yang disenyawakan menempel di bahagian atas dinding rahim³⁰.

Kedua: Disebutkan sebagai 'alaqah, ia menyerupai sejenis haiwan air iaitu lintah yang turut dipanggil 'alaqah dalam bahasa arab, kerana bentuk 'alaqah, iaitu pada minggu ke 2 dan ke 3 setelah persenyawaan seperti bentuk lintah. 'Alaqah mendapat nutrisi dari darah, begitu juga lintah menghisap darah. 'Alaqah hidup di dalam air rahim (Amniotic Fluid) begitu juga lintah hidup di dalam air.

Ketiga: Dinamakan 'alaqah kerana aliran darah janin pada ketika ini masih tergantung (عالق), atau lebih tepat, aliran darah belum bermula.

Keempat: 'Alaqah menyerupai darah yang membeku. walau pun sebenarnya 'alaqah bukanlah darah, sebaliknya ia adalah sel² yang berkembang selepas persenyawaan.



Gambar³¹:
Perbandingan 'Alaqah Dengan Lintah

4.3 Tempoh Penciptaan Janin

Berdasarkan kepada hadis Ibnu Mas'ud, jumhur ulama' berpandangan bahawa ketetapan Qadar dan ditiupkan ruh pada janin berlaku selepas fasa 40 hari yang ketiga³². Ini bermaksud, setiap peringkat berlaku selama 40 hari, iaitu peringkat nutfah 40 hari, peringkat 'alaqah 40 hari, dan peringkat mudghah 40 hari, kemudian diutus malaikat, lalu ditiupkan roh dan dituliskan ketetapan Qadar. Kefahaman ini berasaskan kepada lafaz:

((يُجْمَعُ خَلْقُهُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا، ثُمَّ يَكُونُ فِي ذَلِكَ عَلَقَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يَكُونُ فِي ذَلِكَ مُضَعَّةً مِثْلَ ذَلِكَ))

Maksudnya: “Terhimpun di dalam perut ibunya selama 40 hari, kemudian terjadinya 'alaqah seperti itu juga, kemudian terjadinya mudghah seperti itu juga...”

Lafaz: (مِثْلَ ذَلِكَ) difahami merujuk kepada tempoh 40 hari: (أَرْبَعِينَ يَوْمًا), oleh itu setiap peringkat mengambil masa selama 40 hari.

Walau bagaimanapun, pandangan ini tidak selari dengan hadis Huzaifah bin Asid yang menyebutkan bahawa malaikat diutus kepada janin selepas tempoh 42 malam. Oleh itu sebahagian ulama berpandangan bahawa ketiga-tiga peringkat; nutfah, 'alaqah, dan mudghah, berlaku dalam fasa 40 hari pertama.

Dalam menjelaskan perkara ini, al-Imam al-Nawawi berkata: “Sabdanya: (ثُمَّ يُرْسَلُ الْمَلَكُ) adalah ma'tūf (bersambung) dan berkait dengan sabdanya ((يُجْمَعُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ)), dan bukannya dengan lafaz sebelumnya,

²⁹ Pendapat ini dikemukakan oleh Ibnu 'Abbas, serta dipersetujui oleh Mujāhid, 'Ikrimah dan selainnya, serta turut dipilih oleh al-Ṭabarī, lihat: bnu Kathir, **Tafsīr al-Qurān al-‘Azhīm**, cetakan Dār Ṭibah (1999), 5/467.

³⁰ Muhammad 'Ali al-Bār, *Khalq al-Insān bayna al-Ṭib wal al-Qurān*, p. 368.

³¹

<https://islampapers.files.wordpress.com/2014/03/embyology-in-the-quran-a-description-of-the-alaqah-stage-screen-viewing2.pdf>

³² Sharaf al-Qudhah, *Mata Tunfakhu al-Rūh fi al-Janīn*, p. 23.

manakala lafaz: *ثُمَّ يَكُونُ فِي ذَلِكَ عَلَقَةً مِثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يَكُونُ فِي ذَلِكَ مُضَعَّةً* (مِثْلَ ذَلِكَ) adalah ayat mu'taridah (lafaz selingan), keadaan seperti ini banyak terdapat dalam Quran, Hadis dan kata-kata orang Arab³³.

Dengan merujuk kepada jadual peringkat kejadian janin yang telah dijelaskan, pandangan al-Nawawi ini adalah bertepatan dengan penemuan sains moden, manakala pandangan yang berdasarkan kepada maksud zahir hadis Ibnu Mas'ud adalah bertentangan dengan fakta sains moden³⁴ kerana janin pada usia 40 hari ketiga (120 hari) sudah mempunyai sifat yang sempurna, berukuran antara 15-19 cm, dengan berat 250-450 gram³⁵ berbanding mudghah yang hanya berukuran antara 3.0-3.5mm.

5. RUMUSAN

Hasil interaksi dengan hadis berkenaan penciptaan janin menerusi embrilogi moden, dapat disimpulkan 3 peranan sains moden dalam kajian teks hadis seperti berikut:

- 1) Sains boleh menjadi rujukan dalam memahami teks hadis yang berkaitan, seperti menjelaskan maksud hadis Huzaifah bin As'ad yang telah dijelaskan. Penjelasan ini seterusnya berperanan mengharmonikan antara dua hadis iaitu hadis Ibnu Mas'ud dan hadis Huzaifah yang didapati bertentangan antara satu sama lain secara zahirnya.
- 2) Sains dapat digunakan dalam melakukan tarjih (pemilihan) pandangan ulama dalam memahami hadis. Imam al-Nawawi, seperti contoh di atas, menggunakan hujah kaedah bahasa Arab untuk mentafsirkan hadis Huzaifah, dengan adanya dokongan fakta sains, pandangan al-Nawawi dilihat sebagai pandangan yang rajih berbanding pandangan jumhur ulama.
- 3) Sains turut menzahirkan al-'Ijaz al-'Ilmi dari hadis nabawi, iaitu apabila penemuan sains moden bertepatan dengan maklumat sains yang disebutkan hadis nabawi. Ketepatan ini membuktikan bahawa hadis nabi adalah bersumberkan wahyu kerana maklumat sains yang disebutkan oleh Rasulullah melangkaui

pengetahuan manusia di zaman itu dan bertepatan dengan penemuan sains moden.

RUJUKAN

1. Al-'Asqalanī, Ahmad bin 'Ali, (1937). *Fath al-Bārī*, Dār al-Ma'rifah.
2. Al-Bār, Muhammad 'Ali, (1983). *Khalq al-Insān bayna al-Ṭib wa al-Qurān*, Arab Saudi: al-Dār al-Sa'udiyah.
3. Al-Bukhārī, Muhammad bin Ismail, (1422). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Dār al-Ṭūq al-Najāt.
4. Al-Nawawī, Yahya bin Syaraf, (1932). *al-Minhāj Syarah Ṣaḥīḥ Muslim bin Ḥajjāj*, Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabiy.
5. Al-Qārī, Mula 'Ali, (2002). *Mirqāt al-Mafātīḥ*, Beirut: Dār al-Fikr.
6. Ibnu al-Athīr, (1979). *al-Nihāyah fi Gharīb al-Ḥadīth wa al-Āthār*, Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah.
7. Ibnu Kathir. (1999). *Tafsīr al-Qurān al-'Azhīm*, Dār Ṭibah.
8. Ibnu Qayyim al-Jawziyyah, *al-Tibyān fi Aymān al-Qurān*, Dār 'Ālam al-Fawā'id.
9. Ibnu Qutaybah, 'Abdullah bin Muslim, (1999). *Ta'wīl Mukhtalif al-Ḥadīth*, Beirut: al-Maktab al-Islamiyy.
10. 'Iyād bin Mūsa al-Yaḥsubī, (1998). *Ikmāl al-Mu'lim bi Fawā'id Muslim*, Mansurah: Dār al-Wafā'.
11. Joseph Needham, *A History of Embryology*, Second edition
12. Mohd Yusuf Ismail, (2016). *al-Tafsīr al-'Ilmī li al-Aḥādīth al-Nabawiyyah: Dirasah Ta'ṣīliyyah Naqdiyyah*, Tesis Ph.D, University of Jordan, Amman.
13. Muslim bin al-Hajjāj (t.t.). *Ṣaḥīḥ Muslim*, Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabiy.
14. Omar Abdul Rahman, *Does the Quran Plagiarise Ancient Greek Embryology: A Review*, <https://islampapers.com>
15. T.W. Sadler, (2012). *Langman's Medical Embryology*, Philadelphia: Lippincott Williams & Wilkins, 12th ed.

³³ Al-Nawawī, *al-Minhāj Syarah Ṣaḥīḥ Muslim bin Ḥajjāj*, vol. 16, p. 191.

³⁴ Sharaf al-Qudhah, *Mata Tunfakhu al-Rūh fi al-Janīn*, p. 23.

³⁵ T.W. Sadler, *Langman's Medical Embryology*, 12th ed. p. 96.